



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS KAJIAN MASA DEPAN STANDART
KURIKULUM BAHASA TAMIL SJK(T)
DALAM KOMPONEN SASTERA
THIRUKKURAL

KANNADASAN A/L SUBRAMANIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS KAJIAN MASA DEPAN STANDART KURIKULUM BAHASA
TAMIL SJK(T) DALAM KOMPONEN SASTERA *THIRUKKURAL*

KANNADHASAN A/L SUBRAMANIAN

DISERTAI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title

ANALISIS PATAH MASA DEPAN STANDART
KURIKULUM BAHASA JAMIL SUK (T) DALAM
KOMPONEN BASTERA THIRUPUKKAL

No. Matric / Matric's No.

M2011000942

Saya / I,

KANNADHASAN A/L SUBRAMANIAM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan
di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan
seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED


Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 6.4.2021


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. KARTHEGES A/L PONNIAH
Penyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malai, Selangor

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada organisasi/badan berkenaan dengan menyatakan sekali sebah dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 06 (hari bulan) APRIL (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, KANNADHASAN A/L SUBRAMANIAN, M20171000942, F. BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS KAJIAN MASA DEPAN STANDART KURIKULUM BAHASA TAMIL SJK(T) DALAM KOMPONEN SASTERA THIRUKKURAL.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, KARTHEGES A/L PONNIAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS KAJIAN MASA DEPAN STANDART KURIKULUM BAHASA TAMIL SJK(T) DALAM KOMPONEN SASTERA THIRUKKURAL

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA KESUSASTERAAAN TAMIL (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

6.4.2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. KARTHEGES A/L PONNIAH
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malin, Perak.



PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnianya, saya dapat menyiapkan tugas saya dengan sempurna dan tepat pada masanya. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Dr Karthees A/L Ponniah selaku di atas segala bantuan, bimbingan serta dorongan yang diberikan sepanjang penyelia tempoh saya menyiapkan kajian ini. Beliau juga sanggup meluangkan masa untuk menyemak hasil kerja kajian saya pada setiap masa. Beliau juga memberi nasihat yang efektif agar saya dapat melaksanakan kajian dengan jayanya.

Selain itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para Pensyarah Program Bahasa Tamil UPSI atas didikan dan bantuan yang diberikan. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak warga sekolah di Daerah Kuala Muda, Kedah kerana membantu serta memberikan sokongan apabila saya perlukan. Tidak ketinggalan rakan-rakan yang saya kasihi. Mereka telah banyak membantu saya disamping menyokong dan memberi tunjuk ajar dengan memberikan idea yang bernas dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, terima kasih juga kepada keluarga saya kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang masa untuk menyiapkan kajian ini. Akhir sekali terima kasih kepada para pihak yang telah membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang saya dapat menyiapkan kajian ini dengan berjaya dan sempurna.

Kannadhasan A/L Subramanian
M20171000942



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen Kajian Masa Depan (KMD) dalam kuplet *Thirukkural* yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Kajian ini berbentuk mod campuran kualitatif dan kuantitatif iaitu data kualitatif diperoleh menerusi analisis teks dan temu bual. Manakala, data kuantitatif dikutip menggunakan soal selidik yang dibina oleh penyelidik dan mendapat kesahan kandungan daripada tiga orang pakar bidang. Seramai 30 orang murid Tahun 6 dan 6 orang guru daripada salah satu SJK(T) di negeri Kedah telah dipilih secara bertujuan sebagai sampel kajian. 30 kuplet *Thirukkural* daripada DSKP Bahasa Tamil dianalisis dan dirumuskan. 9 konsep dalam elemen KMD yang digariskan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum dijadikan sebagai panduan penganalisan data yang diperoleh daripada rujukan DSKP. Dapatan kajian menunjukkan pemahaman konsep masa depan, ramalan dan analisis, penjelasan nilai dan masa depan serta pemahaman dimensi kemampanan wujud dalam kesemua kuplet *Thirukkural*. Konsep pengumpulan maklumat dan analisis trend serta strategi mengatasi kebimbangan terdapat dalam 27 kuplet. Penggunaan imaginasi dan kreativiti serta proses inovasi sosial berada dalam 26 kuplet. Manakala pembinaan senario hanya terdapat dalam 17 kuplet. Hasil kajian ini juga menunjukkan kesemua (100%) guru-guru bahasa Tamil memahami KMD yang terdapat dalam kuplet *Thirukkural* dan melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan berdasarkan elemen KMD. Seramai 26 orang murid Tahun 6 (87%), dapat mengetahui maksud yang tersirat dan tersurat menerusi kuplet *Thirukkural* yang melambangkan elemen KMD. Kesimpulannya, adalah penggunaan kuplet *Thirukkural* sebagai bahan pembelajaran merupakan sesuatu yang relevan untuk meningkatkan pengesahan elemen KMD dalam proses PdPc. Implikasi kajian ini, juga menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang inginkan masyarakat Malaysia yang holistik.



FUTURE STUDIES ANALYSIS OF THE LITERARY COMPONENT *THIRUKKURAL* IN PRIMARY SCHOOL STANDARD BASED TAMIL LANGUAGE CURRICULUM

ABSTRACT

This research aimed to identify the elements of future studies in the couplets of *Thirukkural* present in the Standard Based Tamil Language Curriculum (SBTLC) of Tamil Primary Schools. A mixed mode of qualitative and quantitative was conducted in which the qualitative data were gathered from texts analysis and interviews. Meanwhile, the quantitative data were gathered using a questionnaire which was constructed and reviewed by three field experts. A total of 30 Primary 6 students and 6 teachers from a Tamil Primary School in Kedah were selected as samples for this study. For the text analysis, 30 couplets of *Thirukkural* from SBTLC were analysed and simplified. 9 concepts of future studies highlighted by Curriculum Development Department were made as references in analysing the data gathered from SBTLC. The findings indicated that the futuristic concept, prediction and analysis, explanation of values and future and as well as the understanding of sustainability were present in all the couplets of *Thirukkural*. Statistically, the concept of gathering information and trend analysis, and as well as strategies to overcome anxiety were found in 27 couplets. The use of imagination and creativity and the social innovation process were addressed in 26 couplets. Meanwhile, the scenario construct was only found in 17 couplets. The findings also revealed that all (100%) of the Tamil language teachers understand the future studies present in the couplets of *Thirukkural* and conduct their teaching and learning process based on these elements. Besides, 26 students of Primary 6 (87%) were able to understand both of the figurative and literal meaning found in the couplets of *Thirukkural* which represents the elements of future studies. Overall, the use of *Thirukkural* couplets as a teaching material is relevant to increase the validity of future studies' elements in the teaching and learning process. This is coherent with the National Philosophy of Education which aims to produce holistic individuals.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	13
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Batasan Kajian	18
1.9 Definisi Operasional	19
1.9.1 Kajian Masa Depan	20
1.9.2 Thirukkural	21
1.9.3 Kurikulum Standard Sekolah Rendah	22
1.9.4 Dokumen Standart Kurikulum dan Pentaksiran	22
1.10 Rumusan	24



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Thirukkural	26
2.2.1	Nilai-nilai dalam Thirukkural	29
2.2.2	Thirukkural Dalam Kurikulum Bahasa Tamil SJK(T)	31
2.2.3	Thirukkural sebagai landasan kepada kemahiran berfikir aras tinggi	36
2.2.4	Kajian-kajian lepas berkaitan dengan Thirukkural	38
2.3	Kajian Masa Depan	45
2.3.1	Pengajaran Kajian Masa Depan	48
2.3.2	Prinsip dalam Kajian Masa Depan	49
2.3.3	Kemahiran KMD dalam Pengajaran dan Pembelajaran	50
2.3.4	Matriks Pengajaran KMD	52
2.3.5	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan dengan KMD	53
2.3.6	Konsep KMD Dalam Kurikulum Bahasa Tamil SJK(T)	58
2.4	Teori konstruktivisme	59
2.5	Rumusan	64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	66
3.3	Instrumen Kajian	69
3.3.1	Instrumen Kualitatif	69
3.3.2	Instrumen Kuantitatif Mudah	71
3.4	Persampelan Kajian	73
3.5	Lokasi Kajian	76
3.6	Pengumpulan Data	76
3.7	Analisis Data	78
3.8	Rumusan	81

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	82
4.2	Objektif Satu- Jadual Penganalisisan <i>Thirukkural</i> Berdasarkan KMD	83
4.3	Objektif Kedua	93
4.3.1	Demografi Responden (Jantina (Murid)	93
4.3.2	Menilai pemahaman murid-murid Tahun 6 terhadap konsep KMD yang dipelajari melalui kuplet <i>Thirukkural</i>	94
4.3.3	Menganalisis kefahaman guru-guru Bahasa Tamil terhadap konsep KMD yang terdapat dalam kuplet <i>Thirukkural</i>	144
4.2.3.1	Pemahaman Konsep Masa depan	144
4.2.3.2	Pengumpulan Maklumat dan Analisis Trend	140
4.2.3.3	Ramalan dan Analisis	156
4.2.3.4	Penggunaan Imajinasi dan Kreativiti	162
4.2.3.5	Strategi Mengatasi Kebimbangan Proses Inovasi Sosial	168
4.2.3.6	Pembinaan senario	174
4.2.3.7	Penjelasan nilai	180
4.2.3.8	Penjelasan mengatasi kebimbangan masa depan	185
4.2.3.9	Pemahaman dimensi kemapanan	190

4.4	Rumusan	195
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	196
5.2	Rumusan Persoalan Kajian	197
5.2.1	Analisis Persoalan Kajian Pertama	198
5.2.2	Analisis Persoalan Kajian Kedua	201
5.2.3	Analisis Persoalan Kajian Ketiga	203
5.3	Implikasi Kajian	204
5.3.1	Kementerian Pelajaran Malaysia	204
5.3.2	Sekolah	205
5.3.3	Para Pendidik	205
5.3.4	Murid	206
5.3.5	Penyelidik-Penyelidik Lain	206
5.3.6	Ibu bapa	207
5.4	Cadangan Kajian	207

5.5	Cadangan kepada Penyelidik akan Datang	211
5.6	Kesimpulan	212

LAMPIRAN

RUJUKAN



SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
2.1	Bilangan Kuplet <i>Thirukkural</i> dalam Kurikulum Bahasa Tamil 31
2.2	Pengagihan <i>Thirukkural</i> dalam KSSR 33
3.1	Jadual Penganalisisan <i>Thirukkural</i> berdasarkan KMD 69
3.2	Bilangan Item Setiap Kategori <i>Thirukkural</i> terhadap KMD 71
3.3	Tatacara Analisis Data dan Instrumen Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian. 79
4.1	Jadual Penganalisisan <i>Thirukkural</i> Berdasarkan Konsep KMD 82
4.2	Taburan Responden mengikut jantina (Murid) 92
4.3	Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui <i>Akara Muthala Ezhuthellam; Athi Pakavan Mutharre Ulaku</i> . 93
4.4	Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui <i>Iniya Ulavaka Innatha Kural Kaniyiruppak Kaykavan Tharru</i> . 95
4.5	Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui <i>Karka Kacatarak Karpavai; Karrapin Nirka Atharkuth Thaka</i> . 97
4.6	Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui <i>Karrathana Laya Payanenkol Valarivan Narral Thozhaar Enin</i> . 99
4.7	Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui <i>Nanri Marapathu Nanranru; Nanrallathu Anre Marappathu Nanru</i> . 100
4.8	Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui <i>Kanutaiyar Enpavar Karmor Mukaththurairantu Punutaiyar Kalla Thavar</i> . 102





- 4.9 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Venthutal Ventamai Ilanati Cerntarkku Yantum Itumpai Ila*. 104
- 4.10 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Muyarchi Thiruvina Aakkum Muyatrinmai Inmai Pukuththi Vidum*. 105
- 4.11 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Ennith Thunika Karumam Thunindhapi Ennuvam Enpadhu Izhukku*. 10
- 4.12 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Ozhukkam Vizhuppanh Tharalaan Ozhukkam Uyirinum Ompap Padum*. 109
- 4.13 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Azhukkaru Avavekuli Innaccol Nankum Izhukka Iyanrathu Aram*. 110
- 4.14 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Vaiyaththul Vazhvanku Vazhpavan Vanuraiyum; Theyvaththul Vaaikkap Patum*. 112
- 4.15 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Thonrin Pukazhotu Thonruka; Ahthilar Thonralin Thonramai Nanru*. 114
- 4.16 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Pukazhpata Vazhathar Thannovar Thammai Ikazhavarai Novathu Evan*. 115
- 4.17 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Thottanaiththu Urum Manarkeni Mantharkkuk Karranaiththu Urum Arivu*. 117
- 4.18 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Anpin Vazhiyathu Uyirnilai Ahthuilarcku Enputhol Porththa Utampu*. 118
- 4.19 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Moppak Kuzhaiyum Aniccam; Mukamthirinthu Nokkak Kuzhaiyum Virunthu*. 120
- 4.20 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Thiyavai Thiya Payaththalal Thiyavai Thiyinum Ancap Patum*. 121





- 4.21 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Vaymai Enapatuvathu Yathuenin Yathuonrum Thimai Ilatha Colal*. 123
- 4.22 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Orumaikkan Thankarra Kalvi Oruvarku Ezhumaiyum Emappu Utaiththu*. 124
- 4.23 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Ketuil Vizhuccelvam Kalvi Oruvarku Matualla Marrai Yavai*. 126
- 4.24 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Epporul Yaryarvayk Ketpinum Apporul Meypporul Kanpathu Arivu*. 128
- 4.25 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Kalaththi Nalceytha Nanri Cirithueninum Nallaththin Manap Perithu*. 129
- 4.26 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Thupparkkuth Thuppaya Thuppakith Thupparkkuth Thuppaya Thuum Mazhai*. 131
- 4.27 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Yakavar Ayinum Nakakka; Kavakkal Cokkappar Colizhukkup Pattu*. 132
- 4.28 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Ullaththal Poyyathu Ozhukin Ulakaththar Ullaththul Ellam Ulan*. 134
- 4.29 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Celvaththul Celvam Ceviccelam Accelvam Celvathul Ellam Thalai*. 136
- 4.30 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Utukkaiizanthavan Kaipola Anke Itukkam Kalaivathuam Natpu*. 137
- 4.31 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Ceyarkariya Ceyvar Periyar; Ciriya Ceyarkariya Ceykala Thar*. 139
- 4.32 Taburan Pemahaman Para Murid Tahun 6 terhadap Konsep KMD yang Dipelajari Melalui *Arivuthaiyar Ellam Utaiyar, Arivilar Ennutaiya Renum Ilar*. 140



SENARAI RAJAH

No.Jadual	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	11
3.1 Reka bentuk triangulasi serentak	66
3.2 Prosedur Persampelan Rawak	73
3.3 Strategi persampelan	74
3.4 Langkah-langkah untuk mengumpul data kajian	77

SENARAI LAMPIRAN

A Soal Selidik Kajian

BAB 1

PENGENALAN

Pembelajaran berasaskan Kajian Masa Depan (KMD) diperkenalkan bagi mendidik generasi zaman sekarang bersedia menghadapi cabaran dan perubahan. Pembelajaran merupakan strategi secara saintifik yang dibina untuk menambahkan keupayaan murid terhadap mengambil keputusan atau menghadapi pelbagai cabaran bagi menghasilkan generasi masa depan yang berkeyakinan, berupaya dan bertanggungjawab. Pernyataan disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) yang mencatatkan bahawa merancang masa depan sesuai dengan hasrat mewujudkan masyarakat berwawasan, rasional, dinamik, kreatif, boleh menerima serta menangani perubahan.



Selain itu, sastera memainkan peranan penting dalam kehidupan setiap insan di mana ilmu yang dinamik ini dapat mengubah corak pemikiran dan perspektif sesebuah masyarakat ke arah yang positif. Hal ini disokong oleh Ani (2015) yang menyatakan bahawa unsur-unsur sastera berjaya membentuk keperibadian yang mulia, meningkatkan pemahaman dan pengetahuan manusia, menghalusi nilai estetika dan menjadi laluan yang penting bagi seseorang itu menguasai dan mengaplikasikan nilai-nilai sastera dalam kehidupan masing-masing.

Seterusnya, aspek sastera dapat melahirkan seseorang insan agar menjadi lebih peka dengan perubahan yang berlaku dalam kehidupan mereka dan mempelajari erti kehidupan menerusi pengalaman yang dialami dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini dapat dibuktikan menerusi pernyataan Kavri (2015) yang menekankan bahawa kesusasteraan dapat melahirkan generasi masa depan yang berbudi pekerti dan mengambil iktibar daripada pengalaman hidup mereka walaupun menghadapi dugaan dan cabaran.

Menurut Thinesh (2015), kehidupan seseorang manusia dapat dilihat secara teratur dan terperinci melalui karya sesebuah sastera. Komponen-komponen sastera menjadi laluan yang mendorong para murid untuk mencerminkan kebudayaan sesebuah masyarakat. Trend pemikiran sesuatu masyarakat dapat dilihat menerusi sastera. Oleh itu, sastera boleh dijadikan bahan bukti dalam bentuk dokumen-dokumen rasmi yang memaparkan kisah silam sesebuah masyarakat. Masyarakat kini dapat mengambil iktibar menerusi sejarah yang dicatatkan menerusi karya-karya sastera.





Tambahan pula, di negara kita yang aman dan damai ini, pendidikan kesusasteraan dilihat sebagai komponen yang amat penting untuk membina sahsiah, akhlak yang mulia dan pemikiran yang terang-benderang bagi memenuhi objektif pendidikan negara kita. Hal ini disokong oleh Ani (2015) yang menyatakan bahawa pendidikan kesusasteraan penting untuk membentuk daya pemikiran dan sahsiah manusia secara umumnya. Hal ini kerana terdapat banyak nilai murni dan kemanusiaan diterapkan dalam pendidikan kesusasteraan dan membantu seseorang individu untuk menjadi insan yang sempurna dan seimbang secara holistik.

Di Malaysia, pendidikan kesusasteraan diterapkan menerusi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Matapelajaran yang diselitkan dengan sastera ialah Bahasa Malaysia, Bahasa Tamil, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Karya-karya sastera yang diselitkan dalam DSKP mempunyai keunikannya tersendiri dan meninggalkan kesan mendalam terhadap kehidupan para murid. Pernyataan ini disokong melalui kajian Kavri (2015) yang menyatakan bahawa karya-karya sastera meninggalkan impak yang mendalam terhadap seseorang yang berusaha mempelajari.

Sastera mempunyai ciri yang unik dan diajar menerusi matapelajaran tertentu di sekolah untuk membangunkan kemahiran Bahasa Tamil dalam kalangan para murid. Perasaan ingin tahu tentang kesusasteraan dapat dipromosikan dalam diri para murid menerusi proses pembelajaran dan pemudahcaraan sastera di sekolah. Kini di setiap





sekolah, sastera diajar berasaskan kepada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menerusi kemahiran-kemahiran ini, para murid dapat memahami Kesusasteraan, idea-idea material, manusia, sosial, dan budaya dengan lebih erat lagi.

Dilihat dari sudut DSKP bahasa Tamil, *Thirukkural* merupakan salah satu karya sastera yang disertakan di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah. Pendidikan Kesusasteraan Tamil dikenali sebagai *Illakiyam* dan para murid yang mengambil bahasa Tamil untuk peperiksaan wajib mempelajarinya dan guru-guru bahasa Tamil boleh mengajar para murid berkaitan *Thirukkural* mengikut DSKP yang disediakan.



dikarang oleh seorang ahli falsafah dan pujangga yang bernama *Thiruvalluvar*. '*Thiru*' adalah gelaran yang diletakkan sebelum nama seseorang itu sebagai tanda penghormatan manakala perkataan '*valluvar*' adalah nama sebuah komuniti yang menjalankan kehidupan mereka dengan menenun. *Thiruvalluvar* dikenali sebagai seorang penyair, pemikir terhandal dan guru yang tidak disegani dalam kalangan masyarakat India (Saravanan, 2013).

Thirukkural merupakan ajaran yang penting untuk seluruh alam semesta. Menurut Krishanan. M, (2011), terdapat persamaan antara *Thirukkural* dengan konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Yang Berbahagia Mantan Perdana Menteri





Malaysia Tun Abdullah Ahmad Badawi. Kedua-dua doktrin ini menekankan tentang tiga aspek iaitu aspek ekonomi, politik dan sosial. *Thirukkural* lebih menekankan tentang taat setia terhadap Tuhan manakala Islam Hadhari menekankan tentang Allah. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa *Thirukkural* dapat menjadi tunjuk ajar kepada generasi yang akan datang.

Di samping itu, berdasarkan kepada Amey Hedge (2015), *Thirukkural* amat penting dalam kehidupan manusia dan menekankan tiga perkara utama berdasarkan komponennya. Antara perkara yang diutamakan ialah kebenaran, kebendaan dan kebahagiaan dan kesemua perkara ini dapat dilihat menerusi kuplet-kuplet *Thirukkural* iaitu sebanyak 1330. Sekiranya ketiga-tiga aspek dipenuhi oleh seseorang itu dalam kehidupan, maka kehidupan manusia akan mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.



Konsep KMD mempunyai kaitan dengan *Thirukkural* iaitu melalui kuplet-kuplet yang terdapat dalam *Thirukkural* berdasarkan kepada DSKP Bahasa Tamil. Berdasarkan kepada Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2002), pengajaran berasaskan KMD merupakan suatu strategi yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan bagi melatih para murid bersedia menghadapi abad baru. Menerusi KMD ini, para murid dapat bersiap sedia untuk menentukan hala tuju hidup mereka walaupun menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Ditinjau dari perspektif yang lain pula, KMD ini adalah berteraskan kepada



empat prinsip utama iaitu prinsip perubahan, prinsip pandangan jauh, prinsip perancangan strategik dan prinsip pengupayaan. Menerusi prinsip-prinsip ini, para murid dapat berfikir dengan kritis dan kreatif serta berkebolehan membuat sesuatu keputusan mengenai masa depan mereka dengan matang. Seseorang guru dapat membina nilai dan sikap dalam diri para murid tentang masa depan mereka.

Oleh itu, melalui kuplet *Thirukkural*, seseorang yang seimbang secara holistik iaitu dari jasmani, emosi, rohaniah, intelek dan sahsiah dapat diwujudkan. Maka, komponen KMD dalam kuplet *Thirukkural* yang terdapat dalam DSKP Bahasa Tamil perlu dititikberatkan dan diperkasakan lagi pengaplikasinya dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada tahun 1816, pendidikan Bahasa Tamil di Tanah Melayu telah diberi perhatian dengan tertubuhnya Penang Free School di negeri Pulau Pinang. Kebanyakan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK(T) didirikan di kawasan perladangan getah dan berorientasikan kepada DSKP dari India. Kualiti pendidikan serta keadaan fizikal SJK(T) pada ketika itu berada pada tahap yang lemah dan kurang memuaskan. Kekurangan tenaga pengajar dan bahan bacaan menjadi halangan utama dalam sistem pendidikan Tamil pada ketika penjajahan pihak British (Rajendran, 2008).



Kini, Bahasa Tamil diiktiraf sebagai bahasa kedua pendidikan di SJK(T) dan di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Malaysia. DSKP Bahasa Tamil telah dirancang dan disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia bagi melancarkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah. Menerusi standard kurikulum Bahasa Tamil, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyertakan komponen *Thirukkural* sebagai satu bahagian dari segi kumpulan sastera.

Tambahan pula, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka DSKP yang terkini dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi untuk SJK(T) dan SMK yang memberikan fokus kepada subjek Bahasa Tamil. Selain kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis yang diselitkan dalam kurikulum ini, komponen sastera juga diselitkan bersama di mana komponen sastera ini



05-4506832 telah bermula sejak Tahun 1 hingga Tahun 6 bagi SJK(T).



PustakaTBainun



ptbupsi

Thirukkural dilihat sebagai aspek pembelajaran yang mampu memberikan keutaaman dalam penerapan nilai moral dalam kehidupan masyarakat. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempunyai pendirian yang cukup kukuh dalam pemilihan aspek kesusasteraan yang mengandungi nilai pengajaran yang tinggi dari segi ciri-ciri KMD. Oleh itu, *Thirukkural* dipilih sebagai komponen sastera yang dipercayai mampu melahirkan generasi yang berkebolehan untuk berfikir berasaskan masa depan mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Walaupun berlakunya penukaran DSKP dalam sistem pendidikan Malaysia, malah *Thirukkural* masih diselitkan dalam DSKP yang baru. Kini, murid-murid SJK(T)





belajar 30 kuplet *Thirukkural* berdasarkan kepada DSKP Bahasa Tamil yang telah ditetapkan di Malaysia. Antaranya ialah kuplet nombor 1, 2, 4, 12, 26, 35, 43, 50, 80, 90, 100, 102, 108, 127, 131, 202, 236, 237, 291, 294, 391, 393, 396, 398, 400, 411, 423, 467, 616, dan 788. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Menerusi pembelajaran *Thirukkural* ini, para murid diberi peluang untuk mengetahui secara mendalam tentang *Thirukkural* sejak kecil lagi dan ia amat berkait rapat dengan masa depan para murid. Nilai-nilai murni yang diutarakan pada *Thirukkural* ini mampu mendorong para murid mengambil keputusan yang positif dan mempunyai matlamat hidup yang tersendiri mengikut perubahan zaman. Penambahan dan pengurangan komponen *Thirukkural* dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan bergantung kepada keadaan sistem pendidikan pada masa tersebut dan keupayaan para murid untuk mengadaptasikannya dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Kuplet-kuplet *Thirukkural* yang diterapkan dalam kurikulum bahasa Tamil pula dipilih dari segi keutamaan dan keistimewaan serta mengikut tahap dan kesesuaian murid.

Konsep KMD ini dilihat sebagai salah satu elemen penting dalam semua matapelajaran di SJK(T). Objektif utama pemikiran KMD ialah menyediakan para murid yang matang dari segi pemikiran dan mempunyai idea yang bernas tentang masa depan mereka (Bahagian Pembangunan Kurikulum Malaysia, 2002). Guru-guru menekankan potensi KMD bagi mencapai keperluan dan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia.



Oleh itu, menerusi pembelajaran *Thirukkural* di peringkat sekolah rendah lagi, murid-murid dapat mengambil bahagian dalam merancang masa depan mereka melalui konsep KMD. Pengamatan terhadap intipati *Thirukkural* terbukti sebagai suatu usaha yang amat penting bagi mencerminkan keinsanan seseorang secara holistik (Vishalache, B, 2004). Secara rumusannya, komponen KMD dalam kuplet *Thirukkural* yang terdapat dalam DSKP Bahasa Tamil SJK(T) dapat membantu para murid dalam membuat sebarang keputusan berkaitan kehidupan mereka dengan cara yang betul dan baik.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, komponen *Thirukkural* memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi muda yang berakhlak mulia dan setiap kuplet mengandungi cara untuk menangani sesuatu masalah dengan berkesan. Setiap unsur dalam *Thirukkural* memberi kesedaran kepada umat manusia sejagat dan membimbing manusia ke arah nilai murni dan hidup beretika sejak lahir hingga ke dunia akhirat. KMD yang diterapkan dalam kuplet *Thirukkural* mendorong para murid untuk membuat keputusan dalam hidup mereka dengan berhati-hati.

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) menyatakan bahawa komponen pengajaran KMD terbahagi kepada kepada dua



bahagian iaitu kemahiran asas masa depan dan kemahiran khusus masa depan. Setiap bahagian memainkan peranan penting berdasarkan kepada matriks masa depan bagi membolehkan para murid dan guru berganding bahu dalam mencari suatu penyelesaian bagi menentukan hala tuju hidup mereka. KMD ini bertujuan untuk memahami apa yang mungkin akan diteruskan dan apa yang dapat berubah dalam kehidupan para murid.

Maka, persoalan yang wujud adalah sejauh manakah pemahaman guru-guru terhadap konsep KMD yang terdapat dalam kuplet *Thirukkural* dalam DSKP dan pengaplikasinya oleh para murid dalam kehidupan mereka serta kekangan yang dihadapi. Oleh itu, satu kajian yang dapat mendekatkan para pembaca dengan masalah yang dihadapi dalam pengaplikasian konsep KMD dalam kuplet *Thirukkural* perlu



Pada masa kini, para murid kurang berminat untuk mendalami kuplet-kuplet *Thirukkural* kerana mereka mempunyai perspektif bahawa *Thirukkural* tidak menjamin kehidupan mereka dan tidak diperlukan dalam ruang lingkup pekerjaan mereka. Lebih-lebih lagi, kebanyakan sekolah tidak berfungsi lagi untuk mendidik keperibadian mulia dan telah gagal untuk memberikan pelajaran yang berguna secara seimbang dari sudut fizikal, emosi, intelektual dan rohani (Mohamad Salleh. J & Abdul Salam. R, 2004).



Rentetan perkara di atas memaparkan bahawa ramai murid tidak menfokuskan proses pembelajaran sebagai medium untuk membentuk keperibadian mulia malah ianya menjadi suatu keperluan untuk difokuskan semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan. Oleh itu, unsur-unsur seperti KMD tidak begitu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Thirukkural* yang menjadi panduan keperibadian mulia dalam kalangan pembaca turut mengalami masalah yang sama.

Di samping itu, tahap pengetahuan dan pemahaman tentang konsep KMD menerusi *Thirukkural* dalam kalangan guru-guru yang mengajar Bahasa Tamil di sekolah pada masa kini masih perlu dikaji. Pemahaman yang mendalam terhadap *Thirukkural* akan menjayakan matlamat pengajaran dan pembelajaran dengan cemerlang. Oleh itu, para guru perlu mempunyai matlamat yang cemerlang tentang KMD berdasarkan kepada 30 kuplet yang terkandung dalam DSKP Bahasa Tamil SJK(T). Kini, guru hanya menggunakan buku-buku panduan Tatabahasa dan Seiyul Bahasa Tamil KBSR 2008, Keluaran Pusat Pembangunan Kurikulum dalam Pengajaran Kuplet *Thirukkural* di SJK(T).

Tiada sebarang maklumat tambahan seperti KMD diselitkan dalam buku tersebut. Oleh itu, para guru terpaksa menggunakan buku panduan yang hanya mengandungi maksud *Thirukkural* ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Maklumat tambahan seperti KMD diperoleh oleh guru menerusi bahan dan sumber sahihi yang dirujuk. Hal ini menyebabkan tahap pemahaman tentang kuplet-kuplet *Thirukkural* adalah berbeza-beza antara murid yang berada di kelas yang



berbeza-beza. Kesemua maklumat yang diserap oleh murid bergantung pada ilmu yang disampaikan oleh seseorang guru itu. Oleh hal yang demikian, tahap pemahaman KMD terhadap kuplet-kuplet di SJK(T) perlu dikaji bagi mengetahui tahap keseragaman pemikiran para guru.

Selain itu, pengaplikasian kuplet *Thirukkural* oleh para murid amat dititikberatkan bagi membuahkan hasil yang baik serta menjamin hala tuju kehidupan mereka. Pemahaman yang baik tentang KMD dalam kuplet *Thirukkural* akan mendorong kepada pengaplikasian ilmu tersebut dalam kehidupan. Jika seseorang murid hanya fokus untuk peperiksaan sahaja maka tentu mereka tidak akan menghiraukan tentang KMD yang diajukan melaluinya. Maka, adalah menjadi tanggungjawab sosial bagi mengetahui pemahaman para murid tentang KMD dalam kuplet-kuplet *Thirukkural* yang dipelajari supaya mengambil langkah-langkah yang wajar dalam pemahaman lalu pengaplikasian KMD dalam komponen sastera.

Oleh itu, berdasarkan kepada kajian ini diharapkan bahawa *Thirukkural* dijadikan pedoman hidup supaya meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri seseorang individu. Hal ini kerana unsur kemanusiaan yang tertera dalam *Thirukkural* dapat merealisasikan hasrat ke arah melahirkan modal insan yang terbaik.



1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah mengenalpasti analisis KMD dalam kuplet *Thirukkural* di SJK(T). Kajian ini mengandungi tiga objektif kajian yang seperti berikut:

- i Mengenalpasti komponen KMD dalam kuplet *Thirukkural* yang terdapat dalam DSKP Bahasa Tamil SJK(T).
- ii Menilai pemahaman murid-murid Tahun 6 terhadap konsep KMD yang dipelajari melalui kuplet *Thirukkural*.
- iii Menganalisis kefahaman guru-guru Bahasa Tamil terhadap konsep KMD yang terdapat dalam kuplet *Thirukkural*.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:-


- i Apakah komponen KMD yang terkandung dalam kuplet *Thirukkural*?
- ii Sejauh manakah pemahaman murid-murid Tahun 6 terhadap konsep KMD yang dipelajari melalui kuplet *Thirukkural*?
- iii Bagaimanakah kefahaman guru-guru Bahasa Tamil terhadap konsep KMD yang dipelajari menerusi kuplet *Thirukkural* di SJK(T)?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Komponen KMD menjadi elemen utama yang diselitkan dalam kuplet-kuplet *Thirukkural*. *Thirukkural* merupakan salah satu aspek sastera yang dipelajari oleh para murid di sekolah yang berkebolehan untuk menyediakan para murid berfikiran matang tentang masa hadapan mereka. Melalui kajian ini, tahap pemahaman dan pengetahuan para guru dan murid tentang komponen KMD dalam kuplet *Thirukkural* dikaji menggunakan kaedah yang bersesuaian.

Seterusnya, data kajian akan dianalisis oleh penyelidik bagi mengetahui ciri-ciri KMD yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia berdasarkan kepada jawapan para murid dan guru yang menjadi responden kajian ini. Berdasarkan kepada hasil kajian, dapat disimpulkan bahawa sama ada kuplet-kuplet *Thirukkural* KSSR dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia menjayakan KMD dalam komponen *Thirukkural* dan membuktikan bahawa persoalan kajian relevan dengan kajian ini.

Berdasarkan kepada kerangka konseptual di bawah, dapat diulaskan bahawa kajian ini menekankan bahawa sastera memainkan peranan yang penting dalam membentuk masa depan setiap insan terutamanya para murid.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan meningkatkan pengetahuan guru-guru Bahasa Tamil di SMK dan SJK(T) tentang komponen KMD dalam kuplet *Thirukkural*. Kajian ini memberi tumpuan kepada matapelajaran Bahasa Tamil yang merupakan subjek wajib di SJK(T) manakala matapelajaran tambahan atau dilihat sebagai subjek elektif di sekolah menengah. Maka, analisis hasil kajian ini akan



membantu guru-guru menerapkan komponen *Thirukkural* dalam kehidupan para murid melalui pelbagai cara yang menarik.

Selain itu, para guru juga dapat mengaplikasikan strategi KMD dalam kaedah penyampaian pengajaran dan pemudahcaraan mereka bagi meningkatkan kewujudan dan melahirkan generasi baru yang boleh berfikir dengan matang dan memandang kearah masa depan mereka dengan tujuan yang jelas. Oleh hal yang demikian, hasil kajian ini akan membantu para pendidik tempatan khususnya yang mengajar bahasa Tamil agar menerapkan komponen *Thirukkural* ke dalam jiwa para murid dengan menggunakan matriks KMD.

Selain mengukuhkan pengetahuan para murid tentang kuplet *Thirukkural*, masalah disiplin dalam kalangan para murid dapat dikurangkan apabila guru menekan *Thirukkural* semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Hal ini kerana kuplet *Thirukkural* mengandungi unsur-unsur kemanusiaan dan ajaran nilai-nilai murni yang dapat memandu para murid kearah yang baik dan menentukan masa depan mereka dengan berfikiran positif. Unsur-unsur KMD yang tersirat dalam kuplet *Thirukkural* bukan sahaja dapat mengatasi masalah disiplin malah membantu para murid untuk melihat kuplet *Thirukkural* sebagai elemen asas yang dapat diaplikasikan dari aspek kehidupan dan pekerjaan kelak.

Tambahan pula, analisis komponen KMD dalam kuplet *Thirukkural* jarang dilaksanakan oleh para penyelidik di negara kita dan agak sukar untuk mendapatkan





rujukan bagi para penyelidik. Hasil kajian ini dapat menjadi dokumentasi kepada universiti awam mahupun swasta serta rujukan pada masa akan datang. Maka, penyelidik-penyelidik lain yang ingin menjalankan kajian tentang bidang berkaitan dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk menjalankan kajian mereka. Walaupun intipati kajian tidak mencukupi seluruh perkara tentang isu yang dikaji, malah kajian ini dapat memberi sumbangan dari segi olahan idea kepada para penyelidik lain untuk mengembangkan lagi kajian mereka dalam bidang ini.

Di samping itu, kajian ini dapat membuka peluang untuk pendekatan yang berbeza dan penerokaan yang baharu tentang KMD menerusi kuplet-kuplet *Thirukkural*. Intipati kajian ini dapat dilihat sebagai panduan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memantapkan dan melakukan penambahbaikan lagi terhadap nilai-nilai dan penyediaan dalam DSKP Bahasa Tamil berkaitan *Thirukkural*. Analisis KMD menerusi kuplet *Thirukkural* ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman dan pengetahuan dalam kalangan masyarakat Tamil sahaja malah turut memberi impak kepada masyarakat Melayu dan Cina di negara ini untuk mendalami kuplet *Thirukkural*.

Dilihat dari sudut yang lain pula, kajian ini juga dilihat landasan bagi membentuk para murid secara holistik dan hal ini dilihat sebagai aspek penting dalam kehidupan seseorang. Hal ini dapat direalisasikan apabila guru mempunyai kesedaran untuk meningkatkan pengetahuan mereka terhadap KMD dalam kuplet *Thirukkural* dan murid pula sedia untuk mengimplementasikannya dalam kehidupan mereka.





Maka, kajian ini amat penting untuk dijalankan kerana kajian ini memandu generasi guru mahupun para murid untuk memperoleh faedah yang maksimum bukan sahaja dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan dalam bilik darjah malah dalam kehidupan mereka.

1.8 Batasan Kajian

Berdasarkan kepada kajian ini, terdapat beberapa batasan atau limitasi yang ditetapkan oleh penyelidik sepanjang menjalankan kajian ini. Kajian ini hanya berfokus terhadap murid-murid Tahun 6 dan guru-guru dari SJK(T). Seramai 30 orang murid Tahun 6 dan enam orang guru telah dipilih sebagai sampel kajian ini.



Murid-murid di tahap 2 iaitu dari Tahun 6 dipilih untuk menjawab soalan yang dikemukakan tentang KMD dalam kuplet *Thirukkural* kerana mereka lebih matang jika dibandingkan dengan murid-murid di Tahun 1, 2, 3,4 dan 5. Murid-murid di Tahun 6 juga telah menelaah 30 kuplet-kuplet *Thirukkural* berdasarkan kepada DSKP Bahasa Tamil di sekolah mereka dan kemampuan untuk menjawab soalan yang dikemukakan berkaitan kuplet *Thirukkural* dan kepentingannya.

Kajian ini hanya dijalankan di negeri Kedah iaitu di daerah Kuala Muda dan merangkumi hanya sebuah sekolah Tamil. Hal ini kerana sekolah Tamil tersebut mempunyai murid India yang ramai berbanding dengan sekolah Tamil yang lain di





kawasan ini dan menjadi sekolah tumpuan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka untuk belajar. Bilangan murid Tahun 6 di sekolah ini adalah ramai berbanding dengan sekolah lain di kawasan ini. Dalam pada itu, guru-guru yang mengajar matapelajaran bahasa Tamil di sekolah tersebut. Maka hanya enam orang guru dijadikan sebagai responden kajian berdasarkan jumlah kelas di sekolah tersebut. Guru-guru dikecualikan daripada kajian ini walaupun mempunyai opsyen bahasa Tamil sebagai iktisas mereka. Hal ini bagi mengetahui keupayaan guru-guru bahasa Tamil yang mengajar pada tahun kajian tentang intipati *Thirukkural*.

Selain itu, dilihat dari aspek pembinaan item dalam soal selidik pula, ia adalah berdasarkan kepada kuplet-kuplet yang terdapat dalam kurikulum bahasa Tamil dan soalan-soalan umum yang disediakan oleh penyelidik untuk menguji pengetahuan dan pemahaman terutamanya para guru di sekolah tersebut tentang komponen KMD dalam kuplet *Thirukkural* yang terdapat dalam DSKP Bahasa Tamil SJK(T). Maka, kajian ini menfokuskan hanya kepada sebuah sekolah Tamil di negeri Kedah dan hanya terhadap 30 orang murid Tahun 6 yang belajar di sekolah tersebut.

1.9 Definisi Operasional

Berikut merupakan definisi operasional bagi istilah-istilah yang kerap digunakan bagi kajian ini.



1.9.1 Kajian Masa Depan (KMD)

Berdasarkan Kementerian Pelajaran Malaysia (2002), KMD membawa maksud satu cara seseorang itu menyusun pemikirannya dan mengkonsepsikan kehidupan berdasarkan kepada keputusan yang diambil oleh seseorang itu bagi jangka yang panjang. Ia juga merupakan suatu elemen asas yang diperkenalkan untuk mendidik generasi akan datang bersedia untuk menghadapi cabaran dan perubahan yang berlaku mengikut peredaran masa.

Konsep KMD juga menjadi panduan bagi membolehkan para murid merancang masa depan dengan berhasratkan untuk mewujudkan masyarakat yang rasional, dinamik dan sedia menerima dan menangani sebarang perubahan (Saedah Siraj, 2015).

Berdasarkan kepada kajian tentang analisis KMD Standart Kurikulum Bahasa Tamil dalam kuplet *Thirukkural* ini, konsep KMD yang dimaksudkan ialah ciri-ciri yang terdapat kuplet *Thirukkural* yang mampu mendorong para murid khususnya para murid yang mengambil matapelajaran Bahasa Tamil dalam usaha pemahaman dan pengaplikasian yang jelas serta tentang masa depan mereka berdasarkan pembelajaran daripada kuplet-kuplet *Thirukkural* yang dibelajar.

1.9.2 *Thirukkural*

Thirukkural atau dikenali dengan singkatannya iaitu *Kural* telah dikarang oleh seorang penyair dan ahli falsafah yang terkenal iaitu *Thiruvalluvar* pada tahun 31 sebelum Masihi. *Thirukkural* merupakan suatu panduan yang membimbing setiap insan untuk menjalankan kehidupan mereka dengan penuh bermoral, hidup beretika dan menjadi seorang yang berguna di dunia ini. *Thirukkural* juga merupakan satu kajian menyeluruh mengenai manusia dari lahir hingga ke akhirat Krishanan. M, (2011).

Selain itu, *Thirukkural* mempunyai 133 bab dan setiap bab mempunyai 10 puisi yang dikarang dalam bentuk Kural Venpa. Secara keseluruhannya, *Thirukkural* mempunyai 1330 kuplet yang amat bermakna kepada setiap insan terutamanya generasi yang akan datang. *Thirukkural* terbahagi kepada tiga bahagian di mana bahagian pertama adalah tentang *Aram* (Kebenaran) yang dibicarakan dalam 38 bab iaitu berkaitan dengan kebajikan, pentadbiran negara dan cara mendapat *moksha* daripada Tuhan yang lebih dikenali sebagai cara bersatu dengan Tuhan. Bahagian kedua dalam *Thirukkural* adalah berkaitan dengan *Porul* (Kebendaan) yang menekankan tentang soal wang dan harta menerusi 70 bab manakala bahagian ketiga adalah *Inbam* (Nikmat Cinta) yang membicarakan tentang soal nikmat cinta dan kehidupan suami-isteri dalam 25 bab (Amey Hegde, 2015). Para murid yang belajar di SJK(T) hanya belajar sebanyak 30 kuplet dalam *Thirukkural* berdasarkan kepada DSKP Bahasa Tamil.



1.9.3 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dikuatkuasakan pada tahun 2011 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dalam sistem pendidikan di Malaysia. KSSR diperkenalkan untuk melahirkan generasi baru yang berkebolehan untuk menerokai ilmu dari segi pelajaran dengan sendiri selaras dengan perkembangan teknologi dalam hidupan seharian tanpa melupai asal usul serta pegangan agama (rohani) dan tanpa mengabaikan aspek kesihatan (jasmani). DSKP bagi setiap matapelajaran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia adalah mengikut standard kurikulum yang ditetapkan. KSSR mampu mewujudkan modal insan yang seimbang yang dapat menangani cabaran semasa dan masa depan. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2014).



1.9.4 Dokumen Standart Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

DSKP Sekolah Rendah yang memenuhi keperluan reka bentuk kurikulum masa kini ialah menekankan penggunaan pelbagai teknik pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Menurut Faridah Nazir dan Tuan Jah Tuan Yusof (2013), kepelbagaian teknik pengajaran yang dilakukan oleh guru bergantung pada tahap kebolehan para murid. Perkara tersebut adalah penting agar murid dapat memahami isi pembelajaran yang guru sampaikan ketika berlangsungnya proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Hal ini demikian kerana, setiap murid mempunyai tahap kognitif dan daya kecerdasan yang berbeza-beza antara satu dengan lain.





Berdasarkan DSKP sekolah rendah, penggunaan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran amat ditekankan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan sesuatu matapelajaran sekolah rendah secara berkesan.

Secara holistik, DSKP sekolah rendah dilihat sebagai suatu dokumen standard pembelajaran yang dapat memenuhi reka bentuk kurikulum pada masa kini. Hal ini demikian kerana, DSKP sekolah rendah telah digubal berdasarkan penanda aras dengan kurikulum yang terdapat di negara maju dalam bidang pendidikan. DSKP sekolah rendah dilihat sebagai satu medium yang mampu melahirkan murid berdaya saing signifikan dengan KSSR dan PPPM 2013-2025. Perkara tersebut dapat dibuktikan apabila DSKP sekolah rendah menekankan beberapa aspek yang telah diaplikasikan dalam sistem pendidikan negara maju tersebut seperti kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran berfikir aras tinggi, daya kreativiti dan inovasi dan sebagainya. DSKP sekolah rendah juga turut memberi perhatian terhadap kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh para murid sebagai persediaan menghadapi cabaran era modenisasi. Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaslah bahawa DSKP sekolah rendah memenuhi reka bentuk kurikulum masa kini seiring dengan peredaran zaman.



1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab pertama dalam kajian ini membincangkan tentang konsep KMD yang sangat diperlukan kepada para murid dalam menjayakan masa depan mereka. Kuplet *Thirukkural* yang amat berkait rapat dengan usaha menekankan KMD dijelaskan keperluan mengkajianya dengan sistematik. Pada akhir kajian ini, pengajaran KMD yang terkandung dalam 30 kuplet *Thirukkural* KSSR dipaparkan. Pada masa yang sama, pemahaman guru dan murid-murid tentang KMD yang terkandung dalam 30 kuplet dikaji.